



PEJABAT PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT PROFESOR GRED KHAS C KE PROFESOR GRED KHAS B

1. Tujuan

Tujuan garis panduan ini ialah untuk menjelaskan asas pemilihan yang perlu dipertimbangkan di dalam proses kenaikan pangkat Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas B.

2. Peraturan Am

- a. Kenaikan pangkat ini adalah terbuka kepada semua Profesor Gred Khas C di UPM yang layak. Pihak Pengurusan hendaklah mengenalpasti mereka yang mempunyai kelayakan yang tinggi dan berwibawa.
- b. Penilaian haruslah berdasarkan kepada prestasi semasa dalam gred terkini.
- c. Proses pemilihan haruslah dibuat dengan penuh teliti agar Profesor Gred Khas C yang mempunyai pengiktirafan dan sanjungan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sahaja dipertimbangkan.

3. Syarat-syarat Kelayakan

- a. Profesor Gred Khas C yang telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam jawatan tersebut.
- b. Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa dan bermutu tinggi dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- c. Diperakukan oleh Naib Canselor.

4. Kriteria Pemilihan

Pemilihan calon-calon untuk peringkat ini adalah berdasarkan kepada kriteria berikut :

a. Kecemerlangan Akademik

Profesor yang layak dipertimbangkan hendaklah mempunyai kewibawaan akademik seperti berikut:

- i. Menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat.
- ii. Mempunyai daya inovatif yang tinggi di dalam melaksanakan kepelbagaian kaedah dan mod pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Memiliki mutu penyeliaan pelajar yang tinggi di semua peringkat terutamanya penyeliaan pelajar peringkat pasca siswazah.

b. Kecemerlangan Penyelidikan dan Perundingan

- i. Keupayaan untuk memimpin dalam melaksanakan penyelidikan dalam bidang kepakarannya.
- ii. Hasil penyelidikan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang akademik/sector industri/peningkatan ekonomi dan kesejahteraan Negara.
- iii. Hasil penyelidikan dapat melahirkan penemuan-penemuan baru yang memberi faedah dari segi ilmiah dan kepada masyarakat.

c. Kecemerlangan Kepakaran dan Inovasi

Kebolehan mengembang dan memperluaskan bidang kepakaran dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti:

- perunding
- memberi khidmat klinikal
- referee
- pengucap utama

d. Kecemerlangan Penerbitan

Menerbitkan hasil penulisan yang bermutu tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keutamaan diberikan kepada penerbitan karya asli di dalam '*citation index journal*' yang terkemuka.

- e. Kecemerlangan Perkhidmatan
 - i. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Universiti khususnya di dalam pentadbiran akademik dan aktiviti-aktiviti lain Universiti.
 - ii. Memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat seperti penglibatan di dalam kerja-kerja sukarela, badan profesional serta aktiviti lain yang diiktiraf oleh Universiti.
- f. Pengiktirafan

Mendapat pengiktirafan kesarjanaan dan sanjungan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- g. Telah memberikan Syarahan Inaugural.

5. Panduan Pelaksanaan

- a. Naib Canselor akan mengenalpasti Profesor Gred Khas C yang akan dicalonkan untuk dinaikkan pangkat ke Gred Khas B. Calon boleh mengemukakan permohonan sepanjang tahun dan permohonan tersebut haruslah diproses.
- b. Jawatankuasa pemilihan hendaklah ditubuhkan untuk menjalankan tanggungjawab urusan kenaikan pangkat tersebut menurut peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan dan perundangan lain yang berkaitan dengannya.
- c. Sebaik sahaja permohonan dikemukakan, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah membuat saringan pertama untuk menilai dan menyediakan laporan.
- d. Perakuan daripada Jawatankuasa Pemilihan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah UPM.

14 Mac 2008